



**JABATAN PERTANIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 070102 - (Racun Serangga/Perosak, Rumpai/Tumbuhan)** yang masih berkuatkuasa bagi menyertai tender seperti berikut:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	KOD BIDANG
PPNST (RACUN) 02/2018	Membekal Dan Menghantar Bekalan Racun Makhluk Perosak Ke Jabatan Pertanian Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2018. (Perincian adalah seperti di lampiran Dokumen Tender)	070102 – Racun Serangga / Perosak, Rumpai /Tumbuhan

1. Dokumen Tender boleh didapati mulai **22 Mac 2018 hingga 11 April 2018** pada waktu pejabat di alamat **Jabatan Pertanian Negeri, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** dengan menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan** dan menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender.
2. Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** secara **TUNAI** sahaja dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.
3. **TAKLIMAT:**
Satu sesi taklimat akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : **22 Mac 2018 (Khamis)**
Masa : **2.30 petang**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Teratai,
Aras G, Wisma Negeri,
70503 Seremban, Negeri Sembilan.**
4. Kehadiran pada sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini boleh menyebabkan tawaran tender **TIDAK** dipertimbangkan dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan di sebelah atas kiri sampul surat **No. Tender** dan **Tajuk Tender** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**JABATAN PERTANIAN NEGERI,
TINGKAT 3, BLOK D, WISMA NEGERI
70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Tarikh tutup tidak lewat dari dari jam **12.00 tengah hari pada 11 April 2018**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.